

PERBEZAAN KHUNSA DAN MUKHANNATH MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

DR. PHAYILLA YAMA
phayilah@kuis.edu.my

NUR HAJAR BINTI DEHIS
nurhajardehis@gmail.com

Jabatan al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Mukhannath dan khunsa merupakan pemberian dari Allah S.W.T. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor. Namun, ajaran dan perspektif Islam tidaklah harus dilupakan dalam melihat dan membuat penilaian terhadap isu beberapa golongan mukhannath yang menjadikan naluri mereka itu sebagai sebab untuk mereka menjadi wanita. ini, serta memberikan satu panduan kepada mereka yang terlibat bahawa Al-Quran dan Al-Sunnah mempunyai jalan untuk membantu golongan-golongan ini berhadapan dengan isu ini. Islam juga telah meletakkan beberapa garis panduan dalam menangani isu ini, serta memperlihatkannya sebagai perkara yang wajar diberi perhatian oleh semua pihak tidak kira keluarga, pendidik, para agamawan mahupun masyarakat. Kajian-kajian lepas juga akan diteliti dan difahami. Kajian ini juga melihat apakah perbezaan di antara khunsa dan mukhannath dari sudut fizikal, psikologi menurut persepektif Al-Quran dan Al-Sunnah dan sains. Kajian ini juga untuk membentaras golongan-golongan mukhannath yang mempergunakan khunsa sebagai alasan untuk menghalalkan perbuatan mereka untuk bertukar jantina, menjadi pondan dan sebagainya.

Kata kunci: *Khunsa, mukhannath, al-Quran, al-Sunnah, kesejahteraan ummah.*

1. Pendahuluan

Mutakhir ini rayuan tiga orang transgender yang diluluskan oleh Masalah moral masyarakat melayu Islam di Malaysia, sangat membimbangkan apabila golongan-golongan mukhannath tanpa segan silu berani untuk tampil dengan identity tersebut di khalayak ramai. Mereka bukan sahaja menjalani kehidupan seperti masyarakat normal yang lain, tetapi mereka semakin popular akibat daripada kemajuan teknologi yang sangat pesat dan canggih seperti facebook, Instagram dan media social yang lain. Golongan -golongan ini apabila ditegur, mereka akan memberi alasan bahawa mereka itu mempunyai dua alat kelamin iaitu khunsa. Mereka tidak memahami erti khunsa sebenar, tetapi mereka memberi alasan tersebut hanya untuk menyelamatkan diri mereka agar orang lain dapat menerima kehendak naluri mereka. Keghairahan golongan ini untuk menjadi perempuan sangat dasyat, sehingga nasihat-nasihat daripada jabatan agama sudah tidak dihiraukan lagi. Seinggakan ada yang menukar alat kelamin mereka secara pembedahan untuk kepuasan nafsu mereka. Oleh itu, penulisan ini, berkisar tentang apakah perbezaan khunsa dan mukhannath menurut perspektif al-quran

dan al-sunnah. Selain itu, untuk mengetahui kisah sejarah mukhannath pada zaman Rasulullah s.a.w. Sedikit fakta dari segi perubatan akan dikongsikan di penulisan ini dan pendapat daripada dua tokoh ulama' tafsir berkaitan isu ini untuk mengukuhkan lagi penulisan.

2. Latarbelakang kajian

Masalah moral masyarakat pada masa kini semakin membimbangkan apabila golongan yang mendakwa golongan lelaki lembut berani tampil dengan identiti tersendiri di khalayak ramai. Apabila dikecam ataupun dinasihati ada di antara mereka yang sangat mudah untuk melabelkan diri mereka khunsa. Golongan ini berani bermain dengan hukum agama. Isu yang melibatkan gender ini menjadi semakin popular akibat daripada kemajuan teknologi yang canggih dan serba moden seperti facebook, instagram dan sebagainya. Lebih parah lagi ada di antara mereka yang berani untuk merubah diri secara keseluruhannya dengan menukar alat kelamin mereka. Kebanyakan mereka bukanlah ada masalah kecacatan alat kelamin (khunsa) tetapi hanya ingin memuaskan nafsu sendiri sahaja. Golongan yang khunsa adalah permasalahan yang lain.

Golongan-golongan lelaki lembut sering mengambil kesempatan dalam isu khunsa ini supaya pertukaran jantina mereka akan dapat diterima ramai. Oleh itu, penulisan ini adalah berkisar tentang apakah perbezaan khunsa dan mukhannath. Selain itu, kesan daripada khunsa dan mukhannath turut dikaji bagi mengukuhkan lagi penulisan. Faktor penyebab dari segi al-Quran dan al-Sunnah serta sedikit dari segi sains turut dihuraikan. Ia bertujuan juga untuk membezakan antara golongan yang dilahirkan mempunyai dua kemaluan dan golongan yang sengaja ingin menjadi wanita. Berdasar kan fenomena yang berlaku, menunjukkan bahawa bilangan golongan lelaki yang ingin menjadi wanita ini sudah menjadi barah dalam kalangan masyarakat melayu Malaysia.

Dalam al-Quran dengan jelas menunjukkan manusia hanya terbahagi kepada dua jenis sahaja iaitu golongan lelaki dan golongan wanita. Ini berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa' ayat 1:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً
وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

Maksudnya: *Hai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhanmu yang telah menjadikan kamu daripada seorang diri (Adam), dan daripadanya dijadikan isterinya (Hawa), dan yang membiakkan daripada keduanya lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertawakallah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan nama-Nya, serta peliharalah hubungan kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati kamu.*

al-Qurtubi (1999) dalam tafsirnya berpendapat, ayat ini merupakan hujah yang kuat bahawa manusia normal hanya dua golongan iaitu lelaki dan wanita. Manakala golongan yang mempunyai dua jantina adalah disifatkan sebagai golongan cacat atau bermasalah yang memerlukan bantuan perubatan.

Fenomena lelaki lembut ini sudah lama berlaku khususnya dinegara Barat dan mereka bebas untuk menjalankan kegiatan tidak bermoral. Sekiranya kegiatan mereka seperti hubungan sejenis dihalang dan disekat, golongan ini akan menentang kononnya ia adalah hak asasi

manusia mereka yang tidak boleh dicabuli, sepertimana yang telah berlaku dalam isu COMANGO di Malaysia di mana salah satu tuntutan mereka di Geneva ialah mengiktiraf golongan LGBT. Kini, Mahkamah Persekutuan telah iktiraf hak transgender dan memutuskan bahawa Seksyen 66 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 yang memperuntukkan hukuman ke atas lelaki Islam berpakaian wanita adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan dibatalkan oleh hakim mahkamah tersebut.

Isu golongan Khunsa dan mukhannath adalah antara isu yang jarang dikaji, dibahas serta diperkatakan di Malaysia. Jika dilihat pada media hari ini, isu-isu polemik yang berkaitan dengan LGBT sibuk diperjuangkan oleh mereka yang menuntut hak asasi golongan-golongan tertentu. Berkaitan dengan golongan mukhannath yang ingin hak mereka supaya dibenarkan menukar jantina sudah bermaharajalela di negara ini. Istilah mukhannath pada kajian ini adalah ditujukan kepada lelaki yang mempunyai naluri perempuan dan mereka melayan naluri tersebut sehingga hendak bertukar jantina. Namun, berbeza pula dengan golongan Khunsa. Khunsa merupakan golongan yang diciptakan Allah secara semulajadi. Maka, pengkaji memilih untuk membuat kajian terhadap perbezaan dua golongan ini.

3. Definisi Khunsa

Khunsa dalam Bahasa arab bererti lembut. Definisi khunsa adalah :

"Orang yang mempunyai dua alat kelamin lelaki dan perempuan atau orang yang tiada langsung mempunyai kedua-duanya dan hanya mempunyai lubang untuk membuang air kecil."

Dari segi fiqh Islam, golongan khunsa terbahagi kepada dua iaitu khunsa musykil iaitu khunsa yang diragui dan khunsa ghair musykil atau khunsa yang tidak diragui.

Khunsa musykil adalah khunsa yang tidak langsung dapat dipastikan jantinya kerana mereka dilahirkan tanpa sebarang alat kelamin dan hanya punya alat untuk membuang air kecil.

Khunsa ghair musykil pula, dapat dipastikan keterampilan mereka sama ada menjurus kepada perempuan atau lelaki melalui tanda-tanda fizikal atau dipastikan jantina secara klinikal.

Dari sudut perubatan pula, Khunsa dalam istilah lainnya dalam Bahasa inggeris adalah hermaphrodite. Namun demikian istilah hermaphrodite dianggap sudah lapuk bagi pakar-pakar perubatan pada hari ini. Mereka lebih biasa digunakan istilah intersex.

Menurut profesional perubatan, intersex boleh berada dalam keadaan empat kemungkinan:

- I. 46, XX intersex - Seseorang yang mempunyai organ seks dalaman wanita, tetapi organ seksual luarannya adalah lelaki.
- II. 46, XY intersex - Seseorang yang mempunyai kromosom lelaki, tetapi yang luarannya adalah wanita.
- III. 'True Gonadal Intersex' - Seseorang yang boleh digambarkan sebagai seorang Khunsa, mempunyai ovari dan tisu testis.
- IV. Isu kompleks atau Pelayan Pembangunan Seksual (Undetermined Issues of Sexual Development) - Mengikut variasi syarat-syarat di atas atau keadaan seksual yang masih belum dikelaskan lagi.

Terdapat beberapa ujian yang boleh dilakukan untuk menguji keadaan Khunsa ini, termasuk menganalisis kromosom dan hormon. Ultrasounds juga boleh digunakan untuk mengesan mana-mana organ dalaman seksual yang tidak konsisten dengan jantina seseorang itu.

4. Definisi Mukhannath

menurut Mu'jam Lughah Al-Fuqaha, apa yang dikatakan sebagai almukhannath ialah lelaki yang menyerupai wanita dari segi jalannya, perbicaraannya dan lengguknya serta kelembutannya. Khunsa terbahagi kepada dua jenis iaitu khunsa wadhah dan khunsa musykil. Ia boleh dibahagikan kepada dua golongan:

1. Mereka yang hanya menerima sahaja keadaan tersebut sebagai satu pemberian daripada Allah S.W.T tanpa membuat sebarang tindakan rangsangan untuk menyuburkan lagi keadaan tersebut.
2. Mereka yang tidak memadai dengan keadaan tersebut, malah bertindak dengan sesuatu yang merangsangkan lagi keadaan tersebut, sehingga dalam semua aspek ia bertindak sebagai perempuan.

5. Menemubual

Menemubual beberapa orang khunsa dan mukhannath amat penting, untuk mengetahui. Apakah perasaan mereka, apakah tindakan mereka yang perlu dilakukan untuk seimbangkan di antara emosi dan juga pandangan masyarakat sekeliling terhadap mereka. Dalam erti kata lain, untuk bertanya apakah pandangan mereka berkaitan dengan fenomena yang berlaku. Seterusnya, memudahkan kajian untuk mencari perbezaan antara khunsa dan Mukhannath bukan sahaja menurut al-quran dan al-sunnah malahan perbezaannya menurut pandangan umum.

6. Tindak balas yang diharapkan

Setiap daripada tindak balas atau jawapan yang diberikan adalah amat penting untuk mengetahui apakah perbezaan khunsa dan mukhannath yang sebetulnya. Adalah ini kerana, pengalaman seseorang amat berharga lebih daripada hasil pembacaan. Oleh itu, setiap isi-isi yang diberikan mampu untuk mewujudkan pemahaman yang baik untuk mengetahui perbezaan antara khunsa dan mukhannath. Ianya juga membuatkan pengkaji mendapat hasil yang jujur kerana mendapat maklumat ataupun bahan daripada orang yang sebetulnya.

7. Tawakal kepada Allah

Setiap perkara yang manusia lakukan, perlulah disertakan dengan usaha, doa dan berserah kepada Allah S.W.T. Hasil daripada temuduga dan tindak balas itu tidak sempurna jika ia tidak mendapat redha daripada Allah S.W.T.

Untuk mencari perbezaan khunsa dan mukhannath ini bukan lah sesuatu yang mudah untuk disangka, ianya memerlukan satu pembacaan yang teliti dan kajian daripada kitab-kitab tafsir perlu dibuat supaya ianya seliran dengan Al-quran dan Al-sunnah. Hal ini kerana, Pada zaman Rasulullah S..A.W juga mempunyai golongan-golongan ini. Oleh itu, perancangan harus dibuat dengan sangat teliti dan seterusnya berserah kepada Allah *azza wajalla*.

8. Kesimpulan

Allah S.W.T sudah meletakkan manusia sebagai makhluk yang paling cantik dan istimewa sekali. Allah juga memberikan manusia akal untuk berfikir dan membuat manusia dapat membuat pilihan yang mana tidak baik dan mana yang baik. Oleh itu, seharusnya manusia sentiasa menghargai dan menggunakan keistimewaan yang Allah beri itu dengan sebaik mungkin.

Golongan khunsa ini menunjukkan bahawa Allah maha Kuasa. Dia mampu untuk segala-galanya di bawah kekuasaanNYA. Oleh itu, golongan ini mempunyai kelebihan yang tersendiri dan ianya juga ada jalan penyelesaian yang kebiasaanya doktor-doktor pakar akan menerangkan kepada mereka apa penyelesaian yang sepatutnya. Begitu juga, dengan pendapat ulama-ulama muktabar yang lain.

Berlainan dengan golongan mukhannath, mereka ini hanya mempunyai jiwa dan naluri untuk menjadi perempuan sahaja, keadaan mereka tidak sama dengan keadaan golongan khunsa itu tadi. Mereka seharusnya, tidak boleh melayan nafsu syahwat mereka. Agama Islam itu indah, oleh yang demikian, umat Islam perlu menjaga kesucian agama Islam. Tetapi sebahagian daripada golongan mukhannath ini, mencaci hukum dan hakam Islam. Secara tidak langsung mereka sudah merendahkan martabat agama suci ini. Tuntasnya, semoga fenomena ini dapat dibendung dan akan melahirkan generasi seperti generasi *Sultan Al-Fateh*.

9. Rujukan

Al-Quran Al-Karim

Abdul Aziz Hanafi. 1987. *Kedudukan Pondan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Farahwahida & Sharifah Munirah. 2011. Lelaki Lembut: Faktor Dan Kesannya Kepada Pembentukan Sahsiah Mahasiswa. *Jurnal Teknologi* 56: 113-150.

Al-Qurtubi, *al-Jami' l ahkam al-Quran*, Dar al-Kitab al-Arabi, Qahirah.

Marziana Abd. Malib & Mimi Sofiah Ahmad Mustafa. 2014. Gejala Transeksual: Implikasi yang Membimbangkan, Bagaimana Keprihatinan Kita?. *Jurnal Bisnes dan Pembangunan Sosial* 2: 48-61.

Wan Azmi Ramli, *Dilema 'Mak Nyah': Suatu Ilusi*, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. (1991).

Zaliha Tak. 1998. *Khuntha Dan Mukhannath Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Sidek Abdullah, Khadijah Yahya & Hasdi Yusoff. 2005. *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kecelaruan Gender di Kalangan Pelajar Lelaki Lembut di UITM Johor*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.

al-Qurtubi, Muhammad ibn Ahmad. 1999. *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Basha'ir.

Amran Hassan, Fatimah Yusooff, Khadijah Alavi 1985, Transeksualiti: Suatu Analisis daripada Perspektif Islam dan Perspektif Keluarga dalam Konteks Kesejahteraan Sosial, *Jurnal Perspektif* Jilid,5, 39-52.

JAKIM, 2009, *Pengkid*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Sdn Bhd.

Jimat J, 2009, Lelaki Lembut, Berita Harian, Februari

Mahmood Nazar Mohamed (2010). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Teh, Yik Koon. (2001). Mak nyahs (male transsexuals) in Malaysia: The influence of culture and religion on their identity. *The International Journal of Transgenderism*.

Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2010, *Sistem kekeluargaan Islam: Panduan lengkap ke arah pembentukan keluarga bahagia*. Bangi: Darul Syakir Enterprise.

Yusof Abbas dan Nor'izam Alias, 2010, *Psikoseksual remaja lelaki: Agri perspektif biologi dan Islam*. Port Dickson: Nur Tijarah Enterprise.